

Oleh Abdul Razak Raaff, Nazura Ngah, Norakmah Mat Youb, Ahmad Johari Mohd Ali, Safeek Affendy Razali, Nor Azizah Mokhtar, Nadia Hamid, Mohd Nasaruddin Parzi, Alzahrin Alias, Luqman Arif Abdul Karim, Siti Azila Alias, Muhammad Yusri, Muzamir, Ahmad Suhael Adnan dan Syazwan Msar bhnews@bh.com.my

Siasatan liputi unsur sabotaj, isu teknikal

» PM mahu penyiasatan dibuat secara terperinci, kenal pasti punca


pada rakyat dan politik,” katanya yang turut ditemani isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor ketika melawat pusat operasi SAR.

Kehilangan besar

Beliau berkata, Jamaluddin Jarjis adalah sahabat karibnya sejak sekian lama selain menyifatkan kehilangan Azlin sebagai satu kehilangan besar.

“Beliau (Jamaluddin Jarjis) berkebolehan tinggi, banyak berjasa, banyak memberi pandangan dan idea bernas demi kepentingan negara selain memainkan peranan penting dalam kerajaan terutama semasa menjadi Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat.

“Kami amat rapat dan dia adalah teman saya semasa kami



Najib dan Rosmah diiringi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi **mendengar taklimat pegawai bomba dan penyelamat sejurus tiba di lokasi helikopter terhempas** di Kampung Pasir Baru, Sungai Pening, Semenyih malam tadi.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



► Kuala Lumpur

Enam orang terkorban termasuk bekas Menteri, Tan Sri Dr Jamaluddin Mohd Jarjis, 64, yang juga Ahli Parlimen Rompin, apabila helikopter jenis Eurocopter Dauphin (AS365N2) yang mereka naiki terhempas di Sungai Pening, Semenyih, petang semalam.

Mereka termasuk Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Azlin Alias, 48, yang berlepas dari Pekan, Pahang pada jam 4 petang untuk ke Terminal Skypark di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas menghadiri majlis resepsi perkahwinan anak Perdana Menteri.

Empat lagi mangsa ialah juruterbang, Kapten Clifford William Fournier; pembantu operasi, Aidana Baizieva; pengawal peribadi Jamaluddin yang juga Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Razakan Seran, 32; dan peniaga Datuk Tan Huat Seang.

Siasat semua aspek

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata siasatan merangkumi semua aspek termasuk unsur sabotaj, masalah teknikal dan cuaca.

Bagaimanapun, Datuk Seri Najib Razak mengarahkan siasatan rapi dan terperinci berhubung nahas helikopter itu bagi membolehkan punca sebenar kejadian yang berlaku pada jam 4.57 petang itu dikenal pasti sebelum dimaklumkan kepada umum.

“Butiran mengenai insiden ini masih belum dapat diberitahu selagi pasukan penyiasat masih belum menjalankan siasatan secara menyeluruh,” katanya pada sidang media selepas melawat lokasi nahas di Semenyih, malam tadi.

“Namun apa yang boleh saya jelaskan, negara kehilangan dua individu yang banyak berjasa ke-



berjuang di peringkat bahagian, sehingga terabit dalam pentadbiran negara. Banyak pengorbanan yang dilakukannya kepada saya dan Pejabat Perdana Menteri khususnya dalam melancarkan urusan dan jadual saya dan kehilangannya amat saya rasai,” katanya.

Katanya, antara pengorbanan Azlin adalah meninggalkan bidang korporat dan menyertai kerajaan.

Sementara itu, Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Othman Abdullah, berkata pihaknya menerima panggilan pada jam 4.57 petang dan menjumpai bangkai helikopter bersama lima mayat pada jam 5.20 petang, manakala mayat terakhir ditemui pada jam 8.15 malam.

DCA mulakan siasatan

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dalam satu kenyataan malam tadi berkata, pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sudah memulakan siasatan dan menyatakan helikopter itu adalah milik IGB Corporation, manakala operasinya dikendalikan oleh Cempaka Aviation.

Beliau yang mengesahkan nama enam mangsa nahas berkenaan berkata, semua mayat dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk pemeriksaan lanjut.

Sementara itu, di pekarangan Unit Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini, diselubungi suasana pilu apabila rakan mangsa nahas helikopter terhempas di Kampung Pasir Baru, Sungai Pe-



Anggota bomba dan JPAM menurunkan jenazah mangsa sejurus tiba di HKL untuk dibedah siasat.

[FOTO GHAZALI KORLI/BH]

ning, Semenyih, mula berkumpul.

Suasana pilu

Difahamkan, rakan mangsa mula berkumpul sekitar jam 9 malam tadi bagi menanti ketibaan mayat dari lokasi nahas.

Antara yang turut hadir, termasuk Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad dan bekas Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu, Datuk Zulkifli Noordin.

Sementara itu, suasana yang sama turut dirasakan di kediaman Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis di Seri Kembangan, di sini.

Ahli keluarga dan sahabat mula bertandang ke kediaman Allahyarham sebaik sahaja berita tragedi itu tersebar.

Bagaimanapun, petugas media tidak dibenarkan memasuki kawasan kediaman dan laluan utama dikawal ketat pengawal keselamatan.

BIODATA

Tan Sri Dr Jamaluddin Mohd Jarjis

- **Umur:** 64 tahun
- **Tarikh lahir:** 25 Mei 1951
- **Isteri:** Puan Sri Dr Kalsom Ismail
- **Tempat lahir:** Pekan, Pahang
- **Ahli Parlimen Rompin**
- **Pengerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**
- **Bekas Menteri Kewangan Kedua**
- **Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**
- **Bekas Menteri Sains Teknologi dan Inovasi**
- **Bekas Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat**

BIODATA

Datuk Azlin Alias

- **Umur:** 48
- **Ketua Setiausaha Sulit** kepada Perdana Menteri
- **Pelantikan** sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri berkuat kuasa 10 Mac 2014
- **Bekas Pengarah Bahagian Ekonomi** di Pejabat Perdana Menteri
- **Anggota Perbadanan PR1MA**